

(Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
 Hari/Tarikh: 2/8/2017
 Muka surat: 6

Tajuk : UNIMAS cadang kembang sayap dalam pendidikan

Utusan
Borneo
 Rabu, 2 Ogos 2017

Tempatan

UNIMAS cadang kembang sayap dalam pendidikan

Melalui UNIMAS Business School, tingkat nilai pusat pendidikan tinggi untuk S'wak pada masa depan

Oleh Nick Fletcher

KOTASAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bercadang mengembangkan sayap dalam bidang pendidikan melalui UNIMAS Business School (UBS), dengan meningkatkan nilai pusat pendidikan tinggi untuk negeri ini pada masa akan datang.

Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata ia bersesuaian dengan fungsi universiti sebagai gedung ilmu di mana proses penjana ilmu dapat dipertingkatkan lagi dengan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak, seterusnya mewujudkan jaringan industri yang akan memberi manfaat kepada pelajar dan masyarakat setempat.

"Dengan adanya kerjasama

strategik ini, universiti berada di landasan yang mapan untuk mengukuhkan lagi penjana kewangan dan pembiayaan operasi dalam UNIMAS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UNIMAS Holdings Sdn Bhd, Asiamet (M) Sdn Bhd dan UNIMAS di Rumah Universiti, UNIMAS di sini semalam.

Pada masa sama Kadim menambah, UNIMAS turut bercadang mengembangkan lagi perniagaan dan menghasilkan beberapa program komersial serta kursus pendek pada masa depan.

"Bisnes yang diterajui UNIMAS Business School diharapkan dapat membantu menjana dana yang secukupnya," katanya.



KERJASAMA: Kadim (empat kiri) bertukar MoA dengan Subramanian (empat kanan) sambil disaksikan yang lain.

Selain itu, beliau berkata UNIMAS juga ingin menubuhkan pusat pembelajaran di serata negeri di Malaysia agar setiap rakyat Malaysia berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Sementara itu mengenai MoA yang ditandatangani dengan Asiamet (M) Sdn Bhd, Kadim berkata ia bagaikan suntikan semangat kepada UNIMAS dalam memperkasakan lagi perkembangan UBS selaras dengan keperluan global dalam bidang

pendidikan.

Tambahnya, ia juga bakal menjadikan UNIMAS kekal relevan dalam bidang akademik global yang kini semakin kompetitif dan mencabar.

"Jalinan kerjasama dengan rakan strategik adalah tepat

“ Dengan adanya kerjasama strategik ini, universiti berada di landasan yang mapan untuk mengukuhkan lagi penjana kewangan dan pembiayaan operasi dalam UNIMAS. ”

Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi
 Naib Canselor UNIMAS

pada masanya dan ia amat signifikan demi meningkatkan visibiliti UNIMAS di persada dunia sambil memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan pemantapan ilmu pengetahuan," katanya.

Hadir sama Pemangku Dekan UBS Profesor Madya Dr Puah Chin Hong, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim, Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr Kopli Bujang, Pemangku Pengurus Besar UNIMAS Holdings Sdn Bhd Ang Chee Hon, Pengarah Eksekutif Asiamet (M) Sdn Bhd Subramanian Amamalay dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Asia Metropolitan Cawangan Kota Bharu Ahmad Nazir Abdullah.